



36

Tadbir Urus Korporat

Lembaga komited untuk memastikan prinsip-prinsip diamalkan secara konsisten di dalam Syarikat dan seluruh Kumpulan.

6

Surat Kepada Para Pemegang Saham

Kumpulan mengamalkan lima 'teras' perniagaan berdasarkan pendekatan 'pakar pelbagai bidang'.



Usaha Kami Membawa Kejayaan!

Anugerah Rating Agency Malaysia (RAM) 2004

- No.1** — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak
- No.1** — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan yang Terbesar
- No.1** — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak (Islam)
- No.1** — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan Terbesar (Islam)

Tinggalkan pencapaian anda dengan kami.
Hubungi 603-2074 6513 atau
kunjungi www.ambg.com.my

AmMerchant Bank



46

Menguruskan Risiko

Pendekatan kami terhadap pengurusan risiko dan kawalan terus berkembang sepanjang tahun untuk menggambarkan amalan terbaik.

74

Pencapaian

AmMerchant Bank Berhad menyandang tempat pertama di dalam empat kategori.



KANDUNGAN

- | | | | | | |
|----|---------------------------------------------------------------------|----|-------------------------------------------------|-----|-------------------------------------|
| 2 | Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ketiga Belas | 18 | Profil Para Pengarah | 74 | Pencapaian |
| 4 | Notis Pencalonan | 25 | Pengurusan | 76 | Tanggungjawab Sosial Korporat |
| 6 | Surat Kepada Para Pemegang Saham | 26 | Pembangunan Korporat | 78 | Takwim Peristiwa-peristiwa Penting |
| 12 | Falsafah | 28 | Kajian Kewangan Kumpulan | 88 | Takwim Korporat & Takwim Kewangan |
| 13 | Latar Belakang | 36 | Tadbir Urus Korporat | 89 | Penyata Kewangan |
| 14 | Struktur Korporat - Perniagaan Utama | 44 | Pematuhan Keperluan Penyenaraian Bursa Sekuriti | 222 | Senarai Harta Tanah |
| 15 | Struktur Korporat - Syarikat Subsidiari dan Bersekutu Dalam Operasi | 46 | Menguruskan Risiko | 226 | Struktur Pemegangan Saham Dan Waran |
| 16 | Struktur Organisasi | 54 | Tinjauan Ekonomi | 235 | Direktori Kumpulan |
| 17 | Lembaga Pengarah & Maklumat Korporat | 60 | Maklumat Kewangan Penting Kumpulan | 240 | Rangkaian Cawangan Kumpulan |
| | | 61 | Kajian Kewangan Lima Tahun Kumpulan | 243 | Borang Proksi |
| | | 63 | Tinjauan Operasi Perniagaan | | |

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ketiga Belas

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan AMMB Holdings Berhad ("Syarikat") yang Ketiga Belas akan diadakan di Dewan AmBank Group, Tingkat 7, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 29 September 2004 jam 10.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut: -

| Perkara | Agenda | Resolusi di Borang Proksi |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | SEBAGAI URUSAN BIASA Untuk menerima Akaun-Akaun Teraudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2004 serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya. | (Resolusi No. 1) |
| 2. | Untuk meluluskan dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai bagi tahun berakhir 31 Mac 2004. | (Resolusi No. 2) |
| 3. | Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Mac 2004. | (Resolusi No. 3) |
| 4. | Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat: - (a) Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim (b) Encik Cheah Tek Kuang | (Resolusi No. 4) (Resolusi No. 5) |
| 5. | Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat: - (a) Y Bhg Dato' Izham bin Mahmud (b) Puan Shalina Azman (c) Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman (d) Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (e) Y Bhg Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain | (Resolusi No. 6) (Resolusi No. 7) (Resolusi No. 8) (Resolusi No. 9) (Resolusi No. 10) |
| 6. | Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi menggantikan Juruaudit yang akan bersara, Tetuan Deloitte KassimChan, dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menentukan ganjaran mereka. | (Resolusi No. 11) |
| 7. | SEBAGAI URUSAN KHAS Untuk mempertimbangkan dan jika difikir sesuai, meluluskan resolusi-resolusi yang berikut sebagai Resolusi-Resolusi Biasa: - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat "BAHAWA mengikut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat ("Skim") yang diluluskan di Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat Kelapan yang diadakan pada 21 September 1999, para Pengarah Syarikat adalah dengan ini diberikan kuasa, mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham dalam Syarikat dari masa ke semasa menurut Skim tersebut." | (Resolusi No. 12) |
| 8. | Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 "BAHAWA tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah adalah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut sepertimana mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah, asalkan jumlah saham terkumpul yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara." | (Resolusi No. 13) |
| 9. | Untuk membincangkan lain-lain perkara yang mana notis sewajarnya telah pun diterima. | |

NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang Ketiga Belas akan dibayar pada 21 Oktober 2004 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 6 Oktober 2004.

Seseorang pendeposit hanya layak untuk hak sekiranya: -

- a. Saham dipindah ke akaun sekuriti pendeposit sebelum 4.00 petang pada 6 Oktober 2004 bagi pindahan biasa; dan
- b. Saham dibeli di Bursa Malaysia Securities Bhd atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Bhd.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

RAVINDRA KUMAR THAMBIMUTHU
Setiausaha Kumpulan Syarikat

Kuala Lumpur
6 September 2004

Nota-nota:-

- (1) Seorang pemegang saham yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi atau wakil yang diberi kuasa tidak semestinya seorang pemegang saham Syarikat. Di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965, jika seorang proksi bukan seorang pemegang saham, ia mestilah merupakan seorang peguam, seorang juruaudit syarikat bertauliah atau seorang yang mendapat kebenaran Pendaftar Syarikat dalam kes tertentu.
- (2) Seorang Nomini Sah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Simpanan Pusat) 1991, boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa Syarikat dikreditkan dalam akaun sekuriti tersebut. Seorang proksi yang dilantik haruslah pemilik benefisial saham dalam akaun sekuriti tersebut atau seorang sebagaimana tersebut di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965.
- (3) Suratcara pelantikan seorang proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa dan bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan seorang proksi atau proksi-proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian.
- (4) Borang proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur **tidak kurang daripada 48 jam** sebelum waktu Mesyuarat yang ditetapkan.
- (5) **Nota-nota Penjelasan tentang Resolusi-resolusi**
 - (5.1) **Resolusi No. 11 - Pelantikan Juruaudit**
Syarikat telah menerima Notis Pencalonan Juruaudit mengikut Seksyen 172(11) Akta Syarikat, 1965 untuk pelantikan Messrs Ernst & Young yang telah memberi persetujuan untuk bertindak sebagai Juruaudit Syarikat bagi menggantikan Juruaudit yang akan bersara. Sesalinan Notis Pencalonan disertakan di muka surat berikut Laporan Tahunan ini.
 - (5.2) **Resolusi No. 12 - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat**
Resolusi biasa no. 12, jika diluluskan, akan membolehkan para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa Syarikat kepada pekerja-pekerja yang menggunakan opsyen-opsyen mereka di bawah Skim II Opsyen Saham Pekerja. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.
 - (5.3) **Resolusi biasa no. 13 - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**
Resolusi biasa no. 13, jika diluluskan, akan memberi para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah terkumpul tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara, apabila perlu atau peluang perniagaan timbul dan dianggap akan memanfaatkan Syarikat oleh para Pengarah. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Pengarah-pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Dipilih Semula Di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Ketiga Belas

Pengarah-pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusuan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut: -

- Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim
- Encik Cheah Tek Kuang

Pengarah-pengarah yang telah dilantik ke Lembaga sejak Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, akan bersara menurut Artikel 97 Tataurusuan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut: -

- Y Bhg Dato' Izhah bin Mahmud (dilantik pada 16 Oktober 2003)
- Puan Shalina Azman (dilantik pada 16 Oktober 2003)
- Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman (dilantik pada 1 April 2004)
- Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (dilantik pada 16 April 2004)
- Y Bhg Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain (dilantik pada 16 April 2004)

Butir-butir mengenai ketujuh-tujuh Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dibentangkan dalam profil masing-masing di Profil Para Pengarah dan pegangan sekuriti mereka di dalam Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya dibentangkan dalam Struktur Pemegangan Saham dan Waran di Laporan Tahunan ini.



Notis Pencalonan



Arab-Malaysian Corporation Berhad

(Company No. 1166-T)

28 Julai 2004

Lembaga Pengarah
AMMB HOLDINGS BERHAD
Tingkat 22 Bangunan AmBank Group
55 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

Tuan,

PENCALONAN JURU/AUDIT BARI

Selaras dengan Seksyen 172(11) Akta Syarikat, 1965, kami merupakan pemegang saham AMMB Holdings Berhad ("AHB"), dengan ini memberi notis berkenaan hasrat kami untuk mencalonkan Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit AHB bagi menggantikan Juruaudit yang akan bersara, Tetuan Deloitte KassimChan di Mesyuarat Agung Tahunan AHB yang akan datang.

Yang Benar
Untuk dan bagi pihak
ARAB-MALAYSIAN CORPORATION BERHAD

SOO KIM WAI
Pengarah Urusan

YAP CHOON SENG
Setiausaha Syarikat

Komitmen kami kepada Malaysia dan wawasan negara

Mengukuhkan Perniagaan

penggabungan, pengambilalihan, penstrukturan semula, peletakan dan pengumpulan dana.

Menggalakkan Simpanan

deposit tetap, akaun simpanan & semasa, pelan pendidikan & persaraan dan banyak lagi.

Menginovasi Perkhidmatan Kewangan

pengurusan dana, pelaburan, perbendaharaan, derivatif dan perkhidmatan pembrokeran saham.

Sepastinya Bank Malaysia.
Kunjungi kami di ambg.com.my



Kumpulan AmBank

Surat Kepada Para Pemegang Saham



Kepada para pemegang saham,

Keputusan Kumpulan secara amnya memuaskan dengan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM358.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, berbanding RM402.1 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah telah dijangka apabila Kumpulan meningkatkan tahap peruntukan keseluruhannya dalam menghadapi ketidakpastian global serta perbelanjaan overhead yang lebih tinggi terutama sekali perbelanjaan prasarana yang mana sesetengahnya hanyalah perbelanjaan sekali dan berkait dengan transformasi operasi Kumpulan yang sedang dilaksanakan bagi bersaing dalam persekitaran yang lebih bebas.

Dengan itu Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 4.0% ditolak cukai yang akan menyaksikan pembayaran anggaran RM53.3 juta kepada para pemegang saham.

KOMITMEN KAMI TERHADAP PEMEGANG SAHAM

Dalam surat saya kepada para pemegang saham tahun lepas, kami telah menekankan bahawa strategi perniagaan terbaik bagi kumpulan perbankan domestik seperti kami adalah dengan membina kedudukan yang dominan dengan cepat dan agresif dalam bidang perbankan runcit, untuk menyokong kepakaran dan penguasaan tradisional Kumpulan di bidang perbankan pelaburan sebelum liberalisasi sepenuhnya yang akan membawa persaingan sengit di hadapan kita.

Seterusnya kami juga menyatakan bahawa Kumpulan telah mengguna pakai strategi pelbagai bidang kepakaran dalam aspirasinya untuk bersaing di pasaran yang mana kami percaya bahawa kami berupaya menambah nilai yang sebenar dan menjadi antara pemain yang terbaik. Oleh itu walaupun aktiviti perniagaan Kumpulan tertumpu di bidang perbankan pelaburan, perbankan runcit dan komersial, perbankan Islam dan insurans, ia juga mempunyai matlamat untuk berada di posisi hadapan bagi setiap produk utama dalam setiap bidang perniagaan ini.

Secara efektifnya Kumpulan sama ada akan membina produk yang ia telah mencapai kedudukan yang mantap atau memberi tumpuan kepada produk yang mempunyai peluang pertumbuhan yang besar dengan mengambil kira perubahan dalam demografi dan permintaan pelanggan serta persekitaran pengawasan operasi. Untuk tempoh sederhana, berikutan pelaksanaan pelbagai inisiatif penyusunan semula, Kumpulan akan membangunkan lebih banyak sumber perolehan yang pelbagai dan stabil serta mempunyai kelebihan tambahan dalam memastikan prestasi dan nilai yang lebih kekal untuk para pemegang saham.

Cabaran bagi Kumpulan ialah menghasilkan nilai dengan menyediakan nilai jangka panjang yang kukuh dan berlanjutan untuk para pemegang saham – bukan setakat tahun ini dan tahun hadapan tetapi untuk

tempoh jangka panjang. Kunci bagi menyediakan nilai ini bermula dengan perkara asas iaitu mempunyai kelebihan persaingan yang sebenar, memastikan pelaksanaan strategi yang baik dan mengambil kira tempoh jangka panjang secara berterusan dalam membuat keputusan kami.

MENGUKUR KEMAJUAN KAMI

Kami telah banyak mencapai kejayaan pada tahun lepas walaupun perolehan masih belum mencerminkan impak penuh langkah-langkah yang telah diambil dalam membina tapak untuk masa depan Kumpulan. Dengan jumlah aset yang meningkat hingga RM60.5 bilion, kami telah mencapai kedudukan kukuh sebagai kumpulan bank induk kelima terbesarnya di negara ini dengan kehadiran yang dominan di pasaran perbankan pelaburan dan pembiayaan pengguna.



Kedua-dua perniagaan perbankan runcit dan pelaburan sedang memperoleh faedah daripada penumpuan kami terhadap keperluan para pelanggan dan membina perhubungan yang lebih mantap serta menguntungkan dengan memberi penekanan terhadap penyelesaian perbankan yang

lengkap. Dalam bidang perniagaan perbankan dan insurans, kami sedang mencapai kemajuan membina kehadiran kami meskipun pada masa ini kami masih belum mencapai kedudukan sebagai pendahulu.

Perbankan Runcit dan Komersial

Meskipun dengan persaingan sengit di bidang pinjaman runcit, kami menyaksikan keputusan yang baik daripada program jualan dan perkhidmatan kami melalui pencapaian pembiayaan perumahan dan kenderaan dua tahun lalu. Pinjaman runcit kini menyumbang 61.0% daripada jumlah pinjaman Kumpulan berbanding 26.0% pada 1999. Deposit runcit juga telah meningkat daripada 30.0% jumlah pendanaan pada tahun 2000 menjadi 51.4% berakhir Mac 2004.



Bahagian pasaran pembiayaan kereta kami telah meningkat kepada 24.9% pada Mac, 2004 berbanding 24.1% setahun yang lalu apabila jumlah pinjaman bertambah kepada RM15.0 bilion. Ini jelas membuktikan kedudukan kami sebagai rakan niaga pilihan pelbagai pengedar kereta di negara ini. Di bahagian perumahan, bahagian pasaran kami telah bertambah daripada 5.7% menjadi 5.8% dengan pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak RM0.9 bilion atau 15.5%. Keputusan juga telah mula menunjukkan peningkatan dari segi bahagian pasaran di sektor kad kredit, insurans dan pengurusan kewangan serta sumbangan pendapatan yuran yang lebih tinggi. Sebenarnya kad kredit AmBank adalah antara yang paling pesat berkembang dengan edaran kad meningkat kepada 223,800 pada Mac 2004 berbanding hanya 83,300 kad setahun yang lalu.

Pertumbuhan pinjaman untuk sektor IKS meningkat 7.0% semasa tahun kewangan. Kini dengan penyelarasan semula prasarana dan proses yang lebih mantap melalui penubuhan Pusat Perniagaan Wilayah dan Pusat Perniagaan Komersial, langkah kami seterusnya ialah menyokong rangkaian produk modal kerja dan pembiayaan perdagangan melalui perkhidmatan pengurusan wang yang akan memberikan para pelanggan kami keupayaan mengawal keperluan perbankan perniagaan harian mereka.

Perbankan Pelaburan

Di bahagian perbankan pelaburan, kami meneruskan usaha pantas kami menukarkan diri kami menjadi kumpulan perbankan pelaburan yang berintegrasi sepenuhnya dengan keupayaan pengeluaran dan pengagihan domestik yang kukuh. Keputusan kebanyakan usaha ini baru sahaja mula membuahkan hasil.

Pada tahun 2003, AmMerchant mendahului Meja Liga Rating Agency Malaysia (RAM) 2003 dengan permulaan bon korporat bernilai RM8.5 bilion, iaitu bahagian pasaran sebanyak 20.0% daripada dana yang dikumpulkan melalui pasaran modal hutang, menasihati transaksi M&A bernilai hampir RM21.0 bilion dan menyenaraikan catatan rekod 30 buah syarikat di Bursa Malaysia melalui tawaran awam awal. Bahagian Pengurusan Dana kami berada di kedudukan No. 3 dalam industri dengan jumlah dana yang diuruskan bernilai RM5.2 bilion sehingga Mac 2004.

Perbankan Islam

Perkhidmatan perbankan Islam juga terus mengembangkan pangkalan pendapatan Kumpulan melalui rangkaian produk pembiayaan dan deposit yang luas. Jumlah aset berkembang menjadi RM8.1 bilion manakala jumlah pembiayaan belum berbayar meningkat kepada RM6.5 bilion apabila pelanggan terus mengambil peluang opsyen pendanaan kadar tetap untuk mengimbangi kos pembiayaan sepanjang tempoh kemudahan kredit. AmMerchant juga mendahului Meja Liga Pengurus Utama RAM bagi bon Islam dengan menguruskan sekuriti hutang persendirian Islam bernilai RM6.1 bilion pada tahun 2003, satu lagi bukti kedudukan hadapan kami.

Insurans

Jumlah premium insurans meningkat 52.8% menjadi RM445.8 juta iaitu tahun kedua berturut-turut dengan pencapaian yang kukuh dan seterusnya meningkatkan kedudukannya menjadi No. 7 dalam perniagaan insurans hayat dan No. 4 dalam industri insurans am. Ini disebabkan terutamanya oleh pengenalan produk perlindungan aset dan pelaburan serta perkembangan pasukan jualan agensi dan pelaksanaan bancassurance serta penyatuan produk dengan produk perbankan runcit. Meskipun pertumbuhan premium yang kukuh memberi kesan kepada keputusan Kumpulan akibat pemindahan ke rizab aktuari bagi dana insurans hayat, perniagaan insurans akan menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang Kumpulan yang berlanjutan sebaik sahaja kami mengatasi beban perniagaan baru.

MENGUKUHKAN KUNCI KIRA-KIRA KAMI

Kami terus mengukuhkan kunci kira-kira kami dari segi mutu aset dan kedudukan modal. Persekitaran ekonomi yang semakin baik serta usaha pemulihan yang giat di bawah Unit Pemulihan Kumpulan telah menghasilkan tahap keseluruhan pinjaman tak berbayar menurun kepada 10.9% berbanding 11.5% tahun lalu. Kebanyakan akaun pinjaman tak berbayar berkait terutamanya kepada pinjaman yang diberikan sebelum krisis Asia dan dicagarkan dengan hartanah. Pelaburan besar dalam pengurusan risiko kredit dan pembangunan modul skor kredit terbukti tepat pada masanya dalam meningkatkan keupayaan kami menilai dan meluluskan kemudahan kredit yang baru.

Kami juga telah bergerak ke struktur modal yang lebih optimum dengan nisbah kecukupan modal keseluruhan pada 12.7% dan nisbah modal Tahap-1 pada 8.3% dengan jumlah aset berwujud risiko sebanyak RM45.8 bilion. Dana modal adalah mencukupi untuk menyokong pertumbuhan aset seterusnya yang bernilai hampir RM27.2 bilion. Jumlah dana pemegang saham Kumpulan berada pada RM4.1 bilion manakala dana modal termasuk hutang subordinat meningkat kepada RM5.85 bilion.

TEKNOLOGI DAN PROSES

Pelaburan berterusan kami dalam teknologi dan penyusunan semula proses perniagaan telah membolehkan Kumpulan menguruskan pertumbuhannya dalam suasana yang dinamik dan menyediakan produk serta perkhidmatannya secara berkesan dan berkos efektif.

Fokus pelaburan IT terutamanya tertumpu pada penajajaran keperluan perniagaan melalui pembangunan aplikasi perniagaan teras, pengurusan risiko, sistem automasi pejabat dan saluran penghantaran alternatif seperti perbankan dalam talian, perbankan mobile dan pusat perbankan elektronik 24-jam bagi meningkatkan lagi perkhidmatan pelanggan dan produktiviti. Bagi memperbaiki lagi kecekapan dan perkhidmatan serta mengurangkan kos, kami juga secara aktif mengkaji semula kewajaran mengumpulkan dan mendapat khidmat luar untuk sesetengah proses





pejabat sokongan. Ini akan membolehkan Kumpulan menumpukan fokusnya untuk membangunkan lagi perniagaan dan meningkatkan daya saingnya.

Insan

Kami percaya bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini Kumpulan telah membina budaya yang menggalakkan dan memberi imbuhan kepada kakitangan atas usaha gigih, kreativiti dan kerja berpasukan mereka. Bagi menambahkan lagi kepuasan pekerja, tahun ini kami telah mula membangunkan sistem pengurusan prestasi dan menjejak keuntungan. Cabaran idea baru dan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik untuk bertindak balas dengan cepat dan secara fleksibel kepada perubahan keperluan pelanggan dan pasaran mencerminkan dedikasi dan komitmen pekerja untuk membina asas bagi kejayaan yang berterusan dan pertumbuhan masa depan yang berkekalan bagi Kumpulan AmBank. Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan saya kepada kakitangan atas komitmen dan sumbangan mereka.

Tadbir Urus Korporat

Reputasi kami dan kepercayaan para pelanggan kami adalah aset yang paling berharga. Kami terus mengkaji amalan perniagaan kami bagi memastikan yang ianya mematuhi standard tadbir urus yang terbaik. Asas rangka kerja tadbir urus korporat Kumpulan termasuk kumpulan majoriti ahli Lembaga yang bebas yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk

komuniti dan kemajuan negara melalui sokongan kewangan dan bukan kewangan untuk pelbagai program amal, pendidikan dan kebudayaan. Ramai pengarah dan kakitangan kanan kami terlibat secara aktif dalam Majlis-majlis organisasi kebangsaan dan amal.

CABARAN MASA DEPAN

Penyusunan Semula Korporat

Dalam menjangkakan perubahan legislatif yang akhirnya membolehkan satu entiti yang sah memegang kedua-dua lesen syarikat kewangan dan perbankan komersial, Kumpulan pada tahun 2003 telah memulakan integrasi aktiviti perniagaan AmBank dan AmFinance. Selain daripada mengatur semula rangkaian cawangan untuk menyokong pangkalan pelanggan dan aktiviti perbankan komersial yang lebih pelbagai, pemusatan fungsi perniagaan dan sokongan membolehkan kami merealisasikan lagi faedah jualan silang dan mencapai faedah ekonomi berskala.

Berikutan pindaan perundangan perbankan pada Januari 2004, Kumpulan pada 27 Januari 2004 telah mengumumkan cadangan penyusunan semula korporat yang kini sedang menanti kelulusan anda dan juga pihak berkuasa. Ini melibatkan penyenaian kumpulan perbankan pelaburan Kumpulan, penswastan AMFB Holdings Berhad (AMFB) dan seterusnya penggabungan AmBank dan AmFinance untuk menghasilkan bank komersial yang lebih besar dengan aset berjumlah RM44.6 bilion. Penggabungan bank dan syarikat kewangan membentuk komponen yang kritikal bagi rancangan strategik keseluruhan Kumpulan untuk menjadi pembekal perkhidmatan kewangan yang lebih besar dan lebih kukuh.

Cadangan penyenaian kumpulan perbankan pelaburan di bawah syarikat baru yang dikenali sebagai AmInvestment Group Berhad akan membawa kepada pengiktirafan yang lebih tinggi bagi operasi perbankan pelaburan Kumpulan dan seterusnya menggerakkan nilai pemegang saham kerana ini akan membolehkan AMMB Holdings Berhad (AHB) mengaut faedah daripada permintaan pelabur untuk tawaran awam awal yang berkualiti. Cadangan penyenaian kumpulan perbankan pelaburan juga memberi peluang kepada para pemegang saham AHB dan AMFB menyertai ekuitinya serta mendapat faedah daripada sebarang potensi perolehan modal yang terhasil daripada kenaikan nilai saham yang disenaraikan.

menyediakan panduan dan nasihat kepada Kumpulan. Kumpulan juga mempunyai sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko serta kakitangan pengurusan kanan yang profesional dan berkeupayaan untuk urusan harian pelbagai perniagaan Kumpulan.

Khidmat Masyarakat

Kami memuji kakitangan kami atas usaha mereka memberi perkhidmatan kepada masyarakat di mana Kumpulan beroperasi. Semasa tahun kewangan Kumpulan terus memainkan peranannya dalam membangunkan



Sumber: The Edge, Khamis, 26 Februari 2004.



Harapan Tahun Kewangan 2005

Kami merasa gembira melihat keadaan ekonomi telah pulih pada tahun 2004 dan kembali berkembang dengan negara dijangka mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 6.0% hingga 6.5% meskipun dalam keadaan global yang tidak menentu. Sebenarnya pertumbuhan ekonomi telah berkembang sebanyak 7.6% semasa suku pertama 2004 dan sentimen keseluruhan kelihatan positif, terutama sekali apabila Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah pelaburan asing, meningkatkan kecekapan pasaran tempatan dan menambah daya saing perusahaan domestik. Kesan jangka panjang langkah-langkah ini akan memberi sumbangan yang positif kepada ekonomi Malaysia.

Dengan suasana ekonomi yang semakin positif ini, kami yakin bahawa jika kami kekal fokus dalam setiap bidang perniagaan dengan tiga strategi menyeluruh yang utama: membina perhubungan pelanggan yang lebih mantap dan menguntungkan dengan membina model jualan dan pengagihan yang lebih baik, mengoptimalkan penggunaan modal pemegang saham dan modal insan serta membina kekuatan teras, kami boleh mengekalkan kedudukan yang kukuh. Ini akan membantu kami melalui cabaran hebat yang bakal dihadapi.



Sumber: New Straits Times, Rabu, 3 Mac 2004.

Penghargaan

Walaupun dengan cabaran yang perlu ditempuhi, kami percaya Kumpulan telah bersedia untuk mengekalkan kedudukan yang kukuh dan mengambil kesempatan daripada peluang baru serta mencapai tahap yang lebih tinggi. Kami mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan, rakan perniagaan, ahli bank, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Kerajaan Malaysia kerana menyediakan panduan dan sokongan yang berterusan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan ikhlas saya kepada Lembaga pengarah, terutama sekali Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim dan Dato' Malek Merican yang bersara tahun ini selepas lebih sedekad bersama Lembaga. Saya amat berterima kasih atas sumbangan mereka. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada lima ahli Lembaga yang baru: Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman, Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, Dato' Izham Mahmud, Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain dan Puan Shalina Azman serta Dato' James Lim Cheng Poh, Pengarah Urusan yang baru bagi AmBank Berhad.

Transformasi dan pencapaian cemerlang kami adalah hasil daripada usaha bersepadu dan berterusan dan sumbangan oleh Lembaga, pasukan pengurusan dan kakitangan. Saya menghargai komitmen dan sumbangan para pekerja kami yang tidak kenal penat lelah yang telah menjadikan Kumpulan AmBank berjaya seperti yang ada hari ini.

Sebagai penutup, kami mengesahkan semula komitmen kami kepada para pemegang saham untuk meningkatkan lagi nilai pelaburan mereka di dalam Kumpulan AmBank.

Yang Ikhlas,

Tan Sri Dato' Azman Hashim
Pengerusi, Kumpulan AmBank

Kuala Lumpur
12 Ogos 2004



Usaha Kami Membawa Kejayaan!



Anugerah Rating Agency Malaysia (RAM) 2004

No.1 — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak

No.1 — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan yang Terbesar

No.1 — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak (Islam)

No.1 — Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan Terbesar (Islam)

Tingkatkan pencapaian anda dengan kami.

Hubungi **603-2074 6513** atau
kunjungi www.ambg.com.my



AmMerchant Bank